



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“
**KERATAN
AKHBAR
KESUMA**”

**JUMAAT
5 Disember 2025**



Dewan Rakyat lulus pelaksanaan Skim Lindung 24 Jam

PERKESO lindungi 10 juta pekerja sepanjang masa

LINDUNG PEKERJA

Oleh AMIRUL AIMAN OSMAN
aiman.osman@mediamajua.com.my

PETALING JAYA: Lebih 10 juta pekerja sektor formal bakal menikmati Skim Lindung 24 Jam oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) susulan kelulusan pindaan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 2025 oleh Dewan Rakyat.

Dengan skim baharu itu, pekerja tidak lagi perlu risau sama ada sesuatu kejadian berlaku dalam waktu kerja atau di luar waktu kerja kerana mendapat perlindungan sepanjang masa.

Sebagai senario mudah bagaimana skim ini berfungsi; Firdaus, 25, pekerja pembinaan dengan gaji RM1,700 sebulan boleh dijadikan contoh nyata.

Dalam perjalanan pulang menziarahi ibu bapa, keretanya terbabas dan dia mengalami kecederaan serius iaitu patah kedua-dua tangan, kecederaan pergelangan kaki dan trauma dalaman dan terlarat 60 hari di hospital.

Disebabkan kemalangan berlaku di luar waktu kerja, undang-undang hari ini mengklasifikasikannya sebagai Bukan Bencana Kerja.

Oleh itu, Firdaus tidak layak menerima sebarang faedah PERKESO. Hal ini menyebabkan keluarga terpaksa menanggung sendiri kos rawatan yang mencecah puluhan ribu ringgit, malah hampir menjual tanah pusaka.

Jika Skim Lindung 24 Jam dilaksanakan, dengan caruman hanya RM12.35 sebulan, pencarum akan menerima:

- Elaun Hilang Upaya Sementara (FHUS) sehingga RM4,752 (RM26.40 sehari).
- Faedah Hilang Upaya Kekal (FHUK) merangkumi bayaran pukul sehingga RM30,400.92 dan bayaran bulanan RM712.80 seumur hidup.
- Elaun Layanan Sentiasa (ELS) RM500 seumur hidup.
- Rawatan perubatan dan pemulihan tanpa had mengikut Akta Fi.



Manfaat utama pindaan Skim Lindung 24 Jam:

- Perlindungan 24 jam sehari, 7 hari seminggu, tanpa perlu membuktikan kemalangan berlaku dalam waktu kerja.
- Menyelesaikan isu 12,306 tuntutan ditolak sejak 2023 hingga Oktober 2025 kerana dikategorikan sebagai bukan bencana kerja.
- Perlindungan untuk semua pekerja formal.

Faedah komprehensif merangkumi:

- Faedah Perubatan.
- Faedah Hilang Upaya Sementara (FHUS).
- Faedah Hilang Upaya Kekal (FHUK).



Lulus

STEVEN Sim (tiga dari kiri) berkongsi berita gembira bersama pemegang taruh utama dan pengurusan tertinggi Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) mengenai Akta Keselamatan Sosial Pekerja 2025 selepas ia diluluskan Dewan Rakyat, Selasa lalu.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong berkata, pelaksanaan Lindung 24 Jam dapat mengurangkan beban kewangan pekerja dan keluarga dalam urusan rawatan, pengurusan hilang upaya dan pemulihan.

Menurutnya, perkara itu juga akan menetapkan standard baharu perlindungan sosial negara yang lebih setara dengan amalan negara maju.

"Dalam era kerja hibrid dan aturan kerja anjal, garis antara kerja dan kehidupan semakin kabur.

"Kita bekerja dari rumah, dari kafe, bahkan dari taman sambil menemani anak-anak, tetapi hakikatnya hanya 42 peratus pekerja mempunyai perlindungan kemalangan peribadi atau takaful.

"Sebab itulah Kerajaan memperkenalkan Lindung 24 Jam yang melindungi pekerja walaupun kemalangan itu berlaku di luar waktu kerja dan tidak berkait langsung dengan pengajian mereka," katanya ketika sesi menggugulng perbahasan RUU itu di Dewan Rakyat, Selasa lalu.

Lagi berita di muka 7

Dalam Negeri

Utusan Malaysia
JUMAAT • 5 DISEMBER 2025

7

Skim Lindung 24 Jam ringankan beban sistem kesihatan awam

Oleh AMIRUL AIMAN OSMAN
utusannews@mediamajalah.com.my

PETALING JAYA: Pelaksanaan Skim Lindung 24 Jam dijangka memberi manfaat kepada sehingga 10 juta pekerja, selain menjimatkan kira-kira RM600 juta dalam perbelanjaan perubatan dan kebajikan awam pada tahun pertama pelaksanaannya.

Ketua Pegawai Eksekutif Galen Centre for Health and Social Policy, Azrul Mohd. Khalib berkata, langkah itu merupakan satu pembaharuan besar dalam sistem perlindungan sosial negara dan bakal memberi impak langsung kepada jutaan pekerja Malaysia.

Katanya, kelulusan Rang Undang-Undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2025 yang memperkenalkan Skim Lindung 24 Jam menandakan satu detik bersejarah kerana ia akhirnya melindungi pekerja di luar waktu bekerja tradisional.

"Tidak keterlaluan untuk mengatakan bahawa langkah ini bukan sahaja membawa perubahan besar, malah merupakan detik bersejarah kepada para pekerja di Malaysia. Ia akan memberi kesan kepada kehidupan jutaan rakyat."

"Dalam tempoh lima tahun lalu, lebih 26,000 tuntutan kemalangan telah ditolak kerana berada di luar takrif sempit



STEVEN Sim (tiga dari kiri) bersama dengan pemegang taruh utama dan pengurusan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) selepas Akta Keselamatan Sosial Pekerja 2025 diluluskan Dewan Rakyat, Selasa lalu.



AZRUL MOHD. KHALIB

'kemalangan tempat kerja', menyebabkan pekerja dan keluarga mereka tidak menerima perlindungan pendapatan atau sokongan," katanya.

Menurut Azrul, Skim itu akan memberi ruang baharu kepada pekerja untuk mendapat sokongan sewajarnya pada saat paling mencabar dalam kehidupan mereka, selain mengurangkan tekanan jangka panjang kepada sistem kesihatan awam.

"Dengan sedikit peningkatan caruman, pekerja kini lebih yakin kerana mereka dan keluarga tidak

akan terdedah tanpa perlindungan sebaik sahaja keluar dari kilang, pejabat atau premis kerja. Ini situasi menang-menang kepada pekerja dan majikan," katanya.

Beliau berkata, angka berkaitan manfaat skim itu bukan sekadar statistik, tetapi menggambarkan realiti kehidupan rakyat yang sebelum ini terdedah kepada risiko kemalangan di luar waktu kerja.

"Dengan adanya skim ini, lebih sedikit keluarga yang akan jatuh dalam kesusahan hanya kerana kemalangan berlaku selepas waktu pejabat atau tersasar sedikit

daripada laluan pulang yang ditetapkan," katanya.

Tambahnya, skim tersebut perlu dilihat sebagai permulaan kepada reformasi lebih besar dalam perlindungan sosial pekerja, ke arah membentuk masyarakat lebih adil, berdaya tahan dan produktif.

Beliau berkata, Skim Kecelakaan Bukan Berhubung Kerja (SKBBK) akan menyediakan perlindungan menyeluruh termasuk kemalangan ketika perjalanan harian, hari rehat, cuti umum, serta perjalanan harian.

Langkah tepat lindungi kebajikan, keselamatan pekerja

KUALA LUMPUR: Pindaan yang dilakukan terhadap Akta Keselamatan Sosial Pekerja 2025 menerima sokongan padu daripada pelbagai pihak termasuk kesatuan sekerja, industri serta badan perundangan yang menandakan kesepakatan nasional terhadap keperluan perlindungan menyeluruh.

Menurut Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia, Datuk Abdul Halim Mansor, Lindung 24 Jam itu adalah hasil perjuangan panjang MTUC kesatuan sekerja sejak 10 tahun yang lalu.

"Ini juga menunjukkan bahawa tuntutan-tuntutan yang dibuat secara kolektif dan bersama di dalam kesatuan mendapat perhatian sewajarnya di pihak kerajaan, khususnya oleh KESUMA," katanya.

MTUC Sabah dan Sarawak juga menekankan bahawa skim itu sejajar saranan ILO untuk membina sistem perlindungan



ABDUL HALIM MANSOR



MOHAMED SHAFIE



SOH THIAN LAI



ABDUL RAHMAN



MOHAMAD EZRI

sosial inklusif, berdaya tahan dan berorientasikan masa depan.

"Malaysia kini berada di landasan yang tepat untuk menjadi contoh serantau dalam memperjuangkan hak dan keselamatan pekerja," katanya.

Presiden Majlis Rangkaian Kesatuan Sekerja Antarabangsa Malaysia (UNI-MLC) dan Pejuang Kesatuan Sekerja Veteran, Datuk Mohamed Shafie

BP Mammal pula berkata, dengan perlindungan sepanjang masa, skim ini dijangka memanfaatkan lebih 9.6 juta pencarum aktif.

"Perkara itu menyelesaikan isu ribuan tuntutan kemalangan yang tidak layak sebelum ini kerana di anggap berlaku di luar waktu kerja.

"Langkah ini juga merupakan satu hadiah kepada pekerja di Malaysia menjelang tahun 2026,"

katanya.

Dalam pada itu, Persekutuan Pengilangan Malaysia (FMM), Tan Sri Soh Thian Lai berkata, perubahan ini sebagai reformasi penting yang menutup jufang perlindungan pekerja yang wujud sejak sekian lama.

Selain itu, Setiausaha Agung CUEPACS, Abdul Rahman Mohd Nordin berkata, setelah hampir 10 tahun tertangguh, pelaksanaan skim itu amat-amat di-

harga oleh CUEPACS lantaran keperluan mendesak bagi perlindungan menyeluruh pekerja pada masa kini yang tidak hanya tertumpu kepada kemalangan dan bencana di tempat kerja semata-mata.

Presiden Majlis Peguam, Mohamad Ezri Abdul Wahab berkata, pindaan itu memastikan dana PERKESO digunakan lebih berkesan untuk membantu pekerja dalam waktu genting.

KOSMO! JUMAAT 5 DISEMBER 2025

NEGARA! 5



PELAKSANAAN Skim Lindung 24 jam yang telah lama diperjuangkan kini akan dapat memberi banyak kelebihan dan perlindungan kepada pekerja tempatan.

Perlindungan komprehensif dengan caruman serendah RM12.35

Skim Lindung 24 jam ringankan beban 10 juta pekerja

Oleh HARRITH HISHAM

PETALING JAYA – Pekerja sektor formal di seluruh negara bakal menikmati perlindungan sosial yang lebih komprehensif apabila Dewan Rakyat meluluskan pindaan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 2025 sekali gus memperkenalkan skim Lindung 24 jam.

Langkah baharu ini dijangka memberi manfaat kepada kira-kira 10 juta pekerja sektor formal, yang akan dilindungi sepenuhnya tanpa mengira waktu atau lokasi sesuatu kejadian berlaku.

Ia dilihat sebagai anjakan besar dalam sistem perlindungan sosial negara yang dilaksanakan di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong berkata, skim Lindung 24 jam dijangka dapat membantu mengurangkan beban kewangan pekerja dan keluarga mereka.

Menurutnya, perlindungan menyeluruh itu penting bagi memastikan pekerja menerima bantuan sewajarnya dalam aspek rawatan, pengurusan hilang upaya dan proses pemulihan.

Beliau menegaskan, kerajaan melihat perlindungan holistik sebagai satu keperluan, bukan lagi pilihan, selaras dengan amalan di negara-negara maju.

"Dalam era kerja hibrid dan aturan kerja anjal, garis antara kerja dan kehidupan semakin kabur. Kita bekerja



STEVEN SIM

dari rumah, dari kafe, bahkan dari taman sambil menemani anak-anak.

"Namun, hanya 42 peratus pekerja mempunyai perlindungan kemalangan peribadi atau takaful.

"Sebab itulah, Kerajaan memperkenalkan Lindung 24 jam yang melindungi pekerja walaupun kemalangan itu berlaku di luar waktu kerja dan tidak berlaku langsung dengan penggantian mereka," katanya.

Sebagai contoh, Firdaus, 25, yang bekerja di syarikat pembinaan dengan gaji RM1,700 sebulan mengalami kemalangan ketika pulang ke kampung pada hari cuti.

Dia mengalami cedera parah, patah kedua-dua tulang tangan, kecederaan pergelangan kaki dan trauma dalaman dan terlarat 60 hari di hospital.

Kerana kemalangan berlaku di luar waktu kerja, undang-undang hari ini mengklasifikasikannya sebagai Bu-

kan Bencana Kerja dan Firdaus tidak layak menerima sebarang faedah PERKESO.

Kos rawatan puluhan ribu ringgit akhirnya ditanggung keluarga menyebabkan ibu bapanya hampir menjual tanah pusaka demi menyelamatkan.

Melalui skim Lindung 24 Jam,



"Setelah hampir 10 tahun tertangguh, pelaksanaan Skim Lindung 24 Jam amat amat dihargai lantaran keperluan mendesak bagi perlindungan menyeluruh pekerja pada masa kini."

DATUK HALIM MANSOR

dengan caruman serendah RM12.35 sebulan membolehkan Firdaus menerima Elaun Hilang Upaya Sementara sehingga RM4,752 mengikut hari cuti sakit (RM26.40 sehari).

Jika Firdaus mengalami kecacatan kekal, beliau layak memohon Faedah Hilang Upaya Kekal berdasarkan taksiran Jemaah Doktor,



"Dengan kepimpinan menteri, Malaysia kini berada di landasan yang tepat untuk menjadi contoh serantau dalam memperjuangkan hak dan keselamatan pekerja"

DATUK SHAFIE

merangkumi bayaran pulak sehingga RM30,400.92 dan bayaran bulanan RM712.80 seumur hidup.

Dia juga layak menerima Elaun Layanan Sentiasa juga akan dibayar sebanyak RM500 seumur hidup serta rawatan perubatan dan pemulihan tanpa had mengikut Akta FI.



"Skim tersebut merupakan pembaharuan besar yang menangani jurang lama yang meninggalkan ramai pekerja tanpa perlindungan apabila kemalangan berlaku di luar waktu kerja."

TAN SRI SOH THIAN LAI

Akhbar	Kosmo!
Tarikh	5 Disember 2025
Ruang	Negara
Muka Surat	9

70 peratus pesakit pusat rehabilitasi Perkeso kembali bekerja

Oleh ZULKIFLI MANZOR

KUALA LUMPUR – Sebanyak 70 peratus daripada 25,000 pesakit yang menerima rawatan di pusat rehabilitasi Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) dari tahun 2014 hingga sekarang berjaya kembali ke alam pekerjaan.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim berkata, pesakit terbabit sama ada kembali kepada pekerjaan terdahulu atau memperoleh pekerjaan lain selepas pulih.

"Maksudnya mereka boleh dipulihkan sehingga mampu berfungsi secara normal dalam kehidupan seharian," katanya pada sidang Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Lee Chuan How (**PH-Ipoh Timur**) berhubung keberke-



SEORANG pesakit menjalani rawatan di Pusat Rehabilitasi Perkoso Kuala Terengganu baru-baru ini.

sanan rawatan pusat rehabilitasi Perkoso kepada pencarum yang

memerlukan.

Steven Sim berkata, sebanyak

30 peratus lagi pesakit yang menerima rawatan di pusat rehabili-

tasi Perkoso termasuk mereka yang telah pulih, namun memilih untuk bersara atas alasan peribadi.

Menurut beliau, sebahagian yang lain pula merupakan pesakit dengan kes yang lebih serius termasuk yang masih terlanjar di atas katil.

"Tetapi apa yang kita boleh perhatikan adalah kualiti kehidupan mereka semakin meningkat dari semasa ke semasa.

"Kita tidak tinggalkan pesakit begitu sahaja selepas menerima rawatan di pusat rehabilitasi Perkoso.

"Bagi kes yang serius kita sambung rawatan di rumah. Berikan rawatan dan penjagaan berterusan dan itulah apa yang saya nak sebutkan faedah atau manfaat caruman Perkoso," katanya.

The Star

people's paper
FRIDAY 5 DECEMBER 2025 • PP19652/12/2020 (035234) RM3.00



THE SAFETY NET THAT NEVER SLEEPS

The Parliament has approved the Employees' Social Security (Amendment) Bill 2025, which introduces the landmark Lindung 24 Jam protection scheme. This reform empowers PERKESO to provide round-the-clock protection to approximately 10 million formal workers, covering injuries sustained outside working hours – a major shift from previous limitations.

Human Resources Minister Steven Sim described the move as a "game changer," modernising Malaysia's social protection to match developed nations.

The scheme ensures workers receive medical and disability benefits regardless of when accidents occur, addressing the blurred lines of modern hybrid work.

> For more turn to page 7

THE STAR, FRIDAY 5 DECEMBER 2025

Nation 7

KUALA LUMPUR: Malaysia has taken a major step towards strengthening its social protection framework with the Dewan Rakyat's approval of the Employees' Social Security (Amendment) Bill 2025. The reform paves the way for the Social Security Organisation (PERKESO) to introduce a new protection scheme that will benefit approximately ten million workers in the formal sector called Lindung 24 Jam.

With this new scheme, workers will no longer need to worry about whether an incident happens on the job or outside formal working hours. Protection is granted continuously.

Why the amendment matters

The amendment is widely described as a "game changer" for Malaysia's labour landscape. It aims to correct longstanding issues that have left thousands of workers without adequate support, particularly in cases involving severe injuries sustained outside work.

A case example illustrates the urgency of the reform. Firdaus (not his real name), aged 25, earns RM1,700 a month and had only been working for a month in a construction company.

On his day off, he drove home to visit his elderly parents but met with a serious accident on a quiet road.

His car skidded, leaving him with fractured arms, ankle injuries and internal trauma. He spent 60 days in hospital.

Although his injuries were severe, the current law categorises the incident as a Non Employment Injury since it did not happen during work.

As a result, Firdaus was not eligible for any PERKESO benefits. His family had to bear medical costs amounting to tens of thousands of ringgit.

His parents nearly resorted to selling a piece of inherited land simply to fund his treatment.

If Lindung 24 Jam had already been in place, a modest contribution of RM12.35 a month would have entitled him to significant financial assistance, including:

- > A Temporary Disablement Benefit of up to RM4,752 based on his medical leave duration (RM26.40 per day).
- > Eligibility for a Permanent Disablement Benefit should a doctor's panel determine lasting impairment. This includes a lump sum payment of up to RM30,400.92 and a lifelong monthly payment of RM712.80.

- > Constant Attendance Allowance of RM500 a month for life.
- > Unlimited medical and rehabilitation treatment in accordance with the Fees Act.

The cost of RM12.35 a month is minimal compared with the overwhelming burden currently faced by affected families.

The cost of RM12.35 a month is minimal compared with the overwhelming burden currently faced by affected families.

The cost of RM12.35 a month is minimal compared with the overwhelming burden currently faced by affected families.

Benefits of Lindung 24 Jam amendment

The amended Act introduces several major improvements designed to strengthen the national social protection ecosystem:

- > Protection 24 hours a day, seven days a week, without the need to prove that an accident occurred during working hours.
- > Resolution to 12,306 rejected claims recorded between 2023 and October 2025 due to incidents being classified as non employment related.

PROTECTION THAT NEVER CLOCKS OUT

Over 10 million workers to receive round-the-clock protection



Progressive move: Sim (in middle) and the supporting stakeholders uphold the implementation of Lindung 24 Jam as a transformative shift in Malaysia's approach to employment protection.



Sim: This sets a new benchmark in the nation's social protection that is equal to those in developed countries.



Abdul Halim: Lindung 24 Jam is the success of bargaining efforts that unions have championed for more than a decade.



Mohamed Shafie: The round-the-clock protection is expected to benefit more than 9.6 million active contributors.



Soth: Lindung 24 Jam represents a major reform addressing long-standing gaps that leave many employees unprotected.

> Coverage for all formal workers.

The scheme offers a comprehensive range of benefits that include medical care, temporary and permanent disablement benefits, dependants' benefits, funeral management allowance, vocational and physical rehabilitation, and access to education loans.

New benchmark for social protection

During his winding-up speech in Parliament, Human Resources Minister Steven Sim Chee Keong emphasised that Lindung 24 Jam would significantly ease the financial burdens associated with treatment, disability management and rehabilitation.

"This sets a new benchmark in the nation's social protection that is equal to those in developed countries," he said.

"In this era of hybrid work and flexible working arrangements, the line between work and personal life is increasingly blurred.

"We work from home, from cafes, even from parks while accompanying our children, yet only 42% of workers today have personal accidents or takaful protection."

"That is why the government is introducing Lindung 24 Jam, which protects workers even when accidents happen outside working hours and have no direct link to their employment."



Abdul Rahman: The scheme addresses urgent needs for comprehensive protection.

Support from stakeholders

The reform has received strong support from unions, employer groups and professional bodies, many of whom have long advocated for changes to the existing system.

Malaysian Trades Union Congress (MTUC) president Datuk Abdul Halim Mansor said the initiative reflects the success of collective bargaining efforts that unions have championed for more than a decade.

"Lindung 24 Jam is the result of MTUC's long struggle over the past ten years. It shows that demands made collectively within unions receive due attention from the Government, particularly from the Human Resources Ministry (KESUMA)," he said.

MTUC Sabah and Sarawak representatives added that the amendment is aligned with the International Labour Organization's call for countries to build inclusive and resilient social protection systems.



Mohamad Ezri: Amendments ensure SOCSO contributions are used to protect workers.

representatives added that the amendment is aligned with the International Labour Organization's call for countries to build inclusive and resilient social protection systems.

"With the minister's leadership, Malaysia is now on the right path to becoming a regional example in upholding workers' rights and safety," they said.

Uni Malaysia Labour Centre president Datuk Mohamed Shafie BP Mammal described the reform as a timely gift to Malaysian workers, noting that round-the-clock protection is expected to benefit more than 9.6 million active contributors while addressing thousands of previously ineligible accident claims.

The Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) president Tan Sri Soh Thian Lai welcomed

the move, stating that Lindung 24 Jam represents a major reform addressing long-standing gaps that leave many employees unprotected when accidents occur outside working hours.

Congress of Unions of Employees in the Public and Civil Services (CUEPACS) secretary-general Abdul Rahman Mohd Nordin also expressed appreciation, noting that the scheme addresses urgent needs for comprehensive protection in an era where work risks can no longer be confined to workplace boundaries.

The Bar Council president Mohamad Ezri Abdul Wahab mentioned that these amendments ensure that SOCSO contributions can be utilised more effectively to protect workers in critical situations.

Fairer, more modern system

The introduction of Lindung 24 Jam marks a transformative shift in Malaysia's approach to employment protection.

It acknowledges the realities of modern work, ensures greater equity among workers and provides families with the financial security they urgently need in times of hardship.

It restores confidence that Malaysia's social protection system continues to evolve in line with global standards and the experiences of workers today.

JUMAAT | 5 DISEMBER 2025 | 14 JAMADILAKHIR 1447H | Bil. 6685 | PPI200/02/2013 (031412) | sinarharian.com.my | SinarOnline | SinarHarian | SinarHarian | SinarHarian | SinarHarianOnline | **RM1.90**

SUARA RAKYAT

Sinar

Harian

“Sebab itu kerajaan melalui PERKESO perkenalkan skim LINDUNG 24 jam supaya pekerja bukan saja dilindungi masa kerja, tapi juga di luar waktu kerja. Cuti sekolah bawa anak jalan-jalan, makan dengan keluarga lepas kerja, pergi pasar malam, balik kampung... kalau masa ni berlaku kemalangan, PERKESO tetap lindung anda dan keluarga.”

- Steven Sim

Muka surat 3

LINDUNG 24 jam : Manfaat untuk 10 juta pekerja



**Pekerja
dilindungi
PERKESO
sepanjang hari**

DEWAN Rakyat telah meluluskan pindaan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 2025 yang membuka laluan kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) untuk memperkenalkan skim LINDUNG 24 jam kepada lebih 10 juta pekerja sektor formal di seluruh negara.

Skim ini menandakan perubahan besar dalam sistem perlindungan sosial apabila pekerja kini dilindungi sepanjang masa tanpa mengira lokasi atau waktu berlakunya kemalangan.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong ketika mengulung perbahasan RUU itu berkata, pelaksanaan LINDUNG 24 jam juga dapat mengurangkan beban kewangan pekerja dan keluarga dalam urusan rawatan, pengurusan hilang upaya dan pemulihan serta menetapkan standard baharu perlindungan sosial negara yang lebih setara dengan amalan negara maju.

“Kerajaan memperkenalkan LINDUNG 24 jam yang melindungi pekerja walaupun kemalangan itu berlaku di luar waktu kerja dan tidak berkait langsung dengan penggajian mereka,” katanya.

Langkah ini secara langsung menamatkan isu ribuan tuntutan yang sebelum ini ditolak kerana dikategorikan sebagai ‘bukan bencana kerja’, termasuk lebih 12,000 kes sejak 2023 hingga Oktober 2025.

Dengan caruman serendah RM12.35 sebulan, pekerja layak menerima pelbagai manfaat termasuk faedah perubatan, elaun hilang upaya sementara dan kekal, faedah orang tanggungan, elaun layanan sentiasa serta kemudahan pemulihan dan pinjaman pendidikan.

Inisiatif ini dianggap sebagai *game changer* selaras dengan realiti kerja hibrid dan anjal yang semakin mengaburkan sempadan antara urusan kerja dan kehidupan peribadi.

Jumaat 5 Disember 2025

SINAR HARIAN | JUMAAT 5 DISEMBER 2025

Sinar Nasional

3

Lebih 10 juta pekerja dilindungi 24 jam



Steven Sim (tengah) memamerkan RUU Akta Keselamatan Sosial Pekerja 2025 (Pindaan) atau Akta 4 yang diluluskan di Dewan Rakyat pada Selasa.

Pindaan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 2025 satu game changer

Oleh AISYAH BASARUDDIN

SHAH ALAM - Rang Undang-Undang (RUU) Akta Keselamatan Sosial Pekerja 2025 (Pindaan) atau Akta 4 yang diluluskan di Dewan Rakyat pada Selasa membuka ruang buat Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) untuk memperkenalkan LINDUNG 24 jam kepada 10 juta pekerja sektor formal.

Menerusi skim baharu ini, pekerja tidak perlu risau lagi sama ada sesuatu kejadian tidak diingini seperti kemalangan berlaku dalam waktu kerja atau di luar waktu kerja kerana jaminan perlindungan diberikan sepanjang masa.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong berkata, pelaksanaan LINDUNG 24 jam juga mampu mengurangkan beban kewangan pekerja dan keluarga dalam urusan rawatan, pengurusan hilang upaya dan pemulihan.

Jelas beliau, ia bukti kesungguhan yang

diterjemahkan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) dan agensinya dalam menetapkan standard baharu perlindungan sosial lebih setara dengan amalan negara maju.

"Dalam era kerja hibrid dan aturan kerja anjal, garis antara kerja serta kehidupan semakin kabur.

"Kita bekerja dari rumah, kafe, bahkan taman sambil menemani anak-anak, tetapi hakikatnya 42 peratus pekerja sahaja yang memiliki perlindungan kemalangan peribadi atau takaful.

"Sebab itulah kerajaan melalui PERKESO memperkenalkan skim LINDUNG 24 jam yang melindungi pekerja walaupun kemalangan itu berlaku di luar waktu kerja dan tidak berkaitan langsung dengan sistem penggajian mereka," katanya.

Steven Sim yang juga ahli Parlimen Bukit Mertajam berkata demikian ketika sesi pengguguran perbahasan RUU itu di Dewan Rakyat pada Selasa.

Menurut PERKESO, manfaat yang bakal diterima semua pekerja formal menerusi pindaan itu adalah perlindungan 24 jam sehari dan tujuh hari seminggu tanpa perlu membuktikan kemalangan berlaku dalam waktu kerja.

Selain itu, pihaknya menyelesaikan isu 12,306 tuntutan ditolak sejak 2023 hingga Oktober 2025 kerana dikategorikan sebagai bukan bencana kerja.

Antara faedah komprehensif menerusi LINDUNG 24 jam merangkumi Faedah Perubatan; Faedah Hilang Upaya Sementara (FHUS); Faedah Hilang Upaya Kekal (FHUK); Faedah Orang Tanggungan (FOT); Elaun Layanan Sentiasa (ELS); Faedah Pengurusan Mayat (FPM); Kemudahan Pemulihan Jasmani atau Vokasional serta Kemudahan Pinjaman Pendidikan.

PERKESO turut memberikan gambaran

senario atau contoh kes yang diperbetulkan menerusi skim tersebut.

"Firdaus, 25, baharu sahaja sebulan bekerja di syarikat pembinaan. Pada hari cutinya, dia memandu pulang untuk menziarahi ibu bapanya yang uzur. Keretanya terbabas di jalan sunyi.

"Dia cedera parah iaitu patah kedua-dua tulang tangan, mengalami kecederaan pada pergelangan kaki dan trauma dalaman serta terlarut selama 60 hari di hospital.

"Disebabkan kemalangan berlaku di luar waktu kerja, undang-undang hari ini mengklasifikasikannya sebagai 'Bukan Bencana Kerja'. Firdaus tidak layak menerima sebarang faedah PERKESO. Kos rawatan puluhan ribu ringgit akhirnya ditanggung keluarga di mana ibu bapanya hampir menjual tanah pusaka demi menyelamatkan anak mereka," kata PERKESO.

Bagaimanapun selepas kewujudan LINDUNG 24 jam, PERKESO memaklumkan bahawa dengan caruman hanya RM12.35 sebulan membolehkan Firdaus menikmati empat manfaat.

Antaranya, Elaun Hilang Upaya Sementara sehingga RM4,752 mengikut hari cuti sakit (RM26.40 sehari).

"Jika Firdaus mengalami kecacatan kekal, dia layak memohon FHUK berdasarkan taksiran jemaah doktor, merangkumi bayaran pukal sehingga RM30,400.92 dan bayaran bulanan RM712.80 seumur hidup.

"ELS juga akan dibayar sebanyak RM500 seumur hidup termasuk rawatan perubatan dan pemulihan tanpa had mengikut Akta FI.

"Semua ini hanya dengan caruman RM12.35 sebulan, jauh lebih murah daripada beban puluhan ribu ringgit yang kini terpaksa dipikul keluarga," ujar PERKESO lagi.

REAKSI

"LINDUNG 24 jam adalah hasil perjuangan panjang Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) sejak 10 tahun lalu. Ini juga menunjukkan bahawa tuntutan-tuntutan yang dibuat secara kolektif dan bersama dalam kesatuan mendapat perhatian sewajarnya oleh kerajaan, khususnya KESUMA."



Presiden MTUC, Datuk Abdul Halim Mansor.

"Dengan perlindungan sepanjang masa, skim ini memanfaatkan 10 juta pencarum aktif, sekali gus menyelesaikan isu ribuan tuntutan kemalangan yang tidak layak sebelum ini kerana dianggap berlaku di luar waktu kerja. Langkah ini merupakan satu hadiah kepada pekerja di Malaysia menjelang 2026."



Pejuang Kesatuan Sekerja Veteran dan Presiden Majlis Rangkaian Kesatuan Sekerja Antarabangsa Malaysia (UNI-MLC), Datuk Mohamed Shafie BP Mammal.

"Setelah hampir 10 tahun tertangguh, pelaksanaan Skim LINDUNG 24 jam amat-amat dihargai oleh Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) lantaran keperluan mendesak bagi perlindungan menyeluruh pekerja pada masa kini yang tidak hanya tertumpu kepada kemalangan dan bencana di tempat kerja semata-mata."



Setiausaha Agung Cuepacs, Abdul Rahman Mohd Nordin.

"LINDUNG 24 jam merupakan satu reformasi penting yang menanganjurkan lama menyebarkan ramai pekerja tidak dilindungi apabila kemalangan berlaku di luar waktu bekerja."



Presiden Persekutuan Pelikang-Pelikang Malaysia (FMM), Tan Sri Shih Thian Lai.

"Pindaan ini memastikan caruman PERKESO dapat digunakan dengan lebih berkesan untuk melindungi pekerja dalam situasi kritikal."



Presiden Majlis Peguam Malaysia, Mohamad Ezri Abdul Wahab.

Akhbar	Makkal Osai
Tarikh	5 December 2025
Ruang	Nation
Muka Surat	3

வெள்ளிக்கிழமை 5 டிசம்பர் 2025

மக்கள் ஓசை Makkal Osai

3

கோலாலம்பூர், டிச. 5-
கட்டங்கட்டமான சம்பள உயர்வுக் கொள்கை வழி
மொத்தம் 32 ஆயிரம் தொழிலாளர்கள் 16
விழுக்காடு வரை சம்பள உயர்வு பெற்றுள்ளனர்
என்று மனிதவள அமைச்சர் ஸ்மவன் சிம் கூறினார்.
இவர்களைச் சுமார் 3 ஆயிரம் முதலாளிகள்
பணியில் அமர்த்தி இருக்கின்றனர்.

இதப் பரிசீலனை
திட்டமானது 2024 ஜூன்
மாதம்
அறிமுகப்படுத்தப்பட்டது.
2025 நவம்பர் மாதம் வரை
35 ஆயிரம் தொழிலாளர்கள்
பயன் பெற்றிருக்கின்றனர்.
இததிட்டத்திற்காக
இதுவரை 34 மில்லியன்
ரிக்விட் ஊக்கத்தொகை
அவர் களுக்குத்
நாப்பட்டிருக்கிறது என்று
அவர் தெரிவித்தார்.
இததொழிலாளர்கள்
அனைவரும் சம்பள
உயர்வைப்
பெற்றிருக்கின்றனர்.
இவர்கள் அனைவரும்
ஆண்டுக்கு 21 மணி நேரம்
குறைந்தபட்சப்
பயிற்சியைப் பெற்றிருப்பது

அவசியமாகும். இந்த
ஊக்கத்தொகைக்குத் தகுதி
பெற்றவற்றை அவர்கள்
இப்பயிற்சியைப் பெறுவது
அவசியமாகும் என்று
நாடாளுமன்ற மக்களவையில்



தேவனால்
நாடாளு-
மன்ற
உறுப்பினர்
டத்தோ-
டாக்டர் கு-
அப்துல்
ரஹ்மான் கு-
இஸ்மாயில்
எழுப்பிய
கேள்விக்
குப்
பதிலளித்த
அவர்,
இததிட்-
டத்தின் கீழ்

இதற்கு முன்னர் 1,900
ரிக்விட் சம்பளம் வாங்கியவர்கள்
இப்போது 2,200 ரிக்விட்
சம்பளம் வாங்குகின்றனர். 12
மாதங்களுக்கு மேல் பணியில்
அமர்த்தப்பட்டுள்ள
தொழிலாளர்களின்
குறைந்தபட்ச சம்பளம் 13
விழுக்காடாக அல்லது 290
ரிக்விட்டாக உயர்வு
பெற்றிருக்கிறது. முன்பு 2,200
ரிக்விட் சம்பளம் பெற்றவர்கள்
இப்போது 2,490 ரிக்விட்டைச்
சம்பளமாகப் பெறுகின்றனர்
என்றும் ஸ்மவன் சிம்
தெரிவித்தார்.

வரை கிட்டத்தட்ட 6
ஆயிரம் முதலாளிகள்
கணக்குகளைத்
திறந்துள்ளனர்.
இவர்களுள் 4 ஆயிரம் பேர்
இததிட்டத்தில்
பங்கேற்பற்றான
வினைப்பங்களைச்
சம்பந்தித்துள்ளனர் என்று
அவர் தெரிவித்தார்.
இதனிடையே
பெர்கேசோவின்
அனைத்துப் புனர்வாழ்வு
மையங்களிலும்
அதிகப்பட்சம் 1,630
தோயாளிகள்
அனுமதிக்கப்படுகின்றனர்.
மலாக்காவில் 500,
பேராகில் 800,
திரொங்கானுவில் 330
என்று அந்த எண்ணிக்கை
இருக்கிறது. பேராக்,
மேருவில் உள்ள
பெர்கேசோ புனர்வாழ்வு
மையம் கடந்த ஜூலை
22ஆம் தேதி செயல்படத்
தொடங்கியது. இதுவரை
232 தோயாளிகளுக்கு
சிகிச்சை அளித்திருக்கிறது
என்றும் அமைச்சர்
கூறினார்.

கட்டங்கட்டமான சம்பள உயர்வுக் கொள்கை 32,000 பணியாளர்கள் 16% வரை சம்பள உயர்வு பெற்றுள்ளனர்

கேள்வி நேரத்தின்போது அவர்
சொன்னார்.
கட்டங்கட்டமான சம்பள
உயர்வுக் கொள்கைத் திட்டம்

இதுவரை எந்த அளவுக்குச்
சாதித்திருக்கிறது. அதன்
முன்னேற்றம் என்ன என்று
குபாங் பாக் பெரிக்காத்தான்

300 ரிக்விட் அல்லது 16
விழுக்காடு சம்பள உயர்வு
அளிக்கப்பட்டிருக்கிறது என்று
சொன்னார்.

- ஸ்மவன் சிம்
இததிட்டத்தில்
பங்கேற்பற்றகு நவம்பர் மாதம்

புதிய ஊதிய கொள்கையின் கீழ் இதுவரை சுமார் 32,000 தொழிலாளருக்கு சம்பள உயர்வு மக்களாவையில் அமைச்சர் சிம் தகவல்



கோலாலம்பூர், டிச. 5-
பி.டபள்யூ.பி என்ற முற்போக்கான ஊதியக் கொள்கையில் பங்கேற்க நவம்பர் மாத இறுதிவரை கிட்டத்தட்ட 6,000 முதலாளிமார் கணக்குகள் திறந்துள்ளனர் என்று மனிதவள அமைச்சர் ஸ்டீவன் சிம் கூறுகிறார்.

நவம்பர் 30 ஆம் தேதி முடிய மொத்தம் 5,808 முதலாளிமார் இந்த கொள்கையின் மூலம் கணக்குகள் திறந்துள்ளனர் என்றார் அவர்.

இவர்களில் 3,925 (67.6 விழுக்காடு)

முதலாளிமார் பி.டபள்யூ.பி. கொள்கையில் பங்கேற்க விண்ணப்பங்கள் சமர்ப்பித்துள்ளனர் என்று மனிதவள அமைச்சர் கூறுகிறார். மக்களாவையில் நேற்று அமைச்சரின் கேள்வி நேரத்தின் போது அவர் இந்த விவரத்தை வெளியிட்டார்.

விண்ணப்பம் செய்தவர்களில் 2,846 முதலாளிமார் பி.டபள்யூ.பி ஊக்கத்தொகை நிபந்தனைகளுக்கு ஏற்ப தங்கள் தொழிலாளர் ஊதியத்தை உயர்த்தியுள்ளனர்.

ஊதிய உயர்வு பெற்ற 31,776 தொழிலாளர்கள் இதில் சம்பந்தப்பட்டுள்ளனர் என கூறிய சிம், ஒட்டுமொத்தத்தில் இலக்காக கொள்ளப்பட்ட 50,000 ஊழியர்களில் இது 63.6 விழுக்காடாகும் என்றார்.

மீதமுள்ள 36.4 விழுக்காட்டை அடுத்தாண்டு ஆரம்பத்தில் எட்ட முடியும் என எதிர்பார்க்கப்படுகிறது என்று அவர் மேலும் கூறினார்.

தொழிலாளர் செயல்திறனையும் உற்பத்தி திறனையும்

மேம்படுத்துவதற்கு ஏற்ப அவர்களுடைய ஊதியத்தை முறையாக திட்டமிட்டு உயர்த்துவதன் மூலம் தொழிலாளர் சந்தையை சீர்திருத்தும் அரசாங்கத்தின் ஒரு முன்முயற்சியே பி.டபள்யூ.பி என்று அவர் விவரித்தார்.

பி.டபள்யூ.பி கொள்கையை அமல்படுத்துவதற்கான பரிந்துரை கடந்த 2023 ஆம் ஆண்டு ஆகஸ்ட் 7 ஆம் தேதி தேசிய பொருளாதார நடவடிக்கை மன்றத்திடம் ஒப்படைக்கப்பட்டு கொள்கையளவில் ஏற்றுக் கொள்ளப்பட்டது என்றார் அவர்.

பின்னர் இந்த பரிந்துரை 2023 செப்டம்பர் 27 ஆம் தேதி அமைச்சரவையின் ஒப்புதலை பெற்றது என்று அவர் தெரிவித்தார்.

தங்கள் ஊழியர்களின் ஊதியத்தை உயர்த்த ஒப்புக் கொள்ளும் பதிவு செய்யப்பட்ட முதலாளிமார்க்கு பி.டபள்யூ.பி நிதி ஊக்கத்தொகை சலுகைகளையும் வழங்குகிறது என்று அவர் குறிப்பிட்டார்.